

A

KATA GANDA RENTAK

PENGGANDAAN VOKAL

NO	KATA GANDA	AYAT CONTOH
1	anak-pinak	Dia meninggalkan anak-pinak nya kerana terpaksa merantau untuk mencari rezeki.
2	calar-balar	Badannya calar-balar setelah keluar dari semak samun yang penuh dengan pokok berduri itu.
3	carut-marut	Pengurus yang suka carut-marut di hadapan pekerjaanya itu telah ditukarkan ke jabatan lain.
4	cengkung-mengkung	Lantaran tekanan di tempat kerja dan kurang tidur, mata pekerja wanita itu cengkung-mengkung .
5	cerai-berai	Pasangan suami isteri yang ber cerai-berai disebabkan keperluan ekonomi semakin bertambah.
6	cirit-birit	Ayah segera emmbawa adik ke klinik apabila adik cirit-birit selepas makan di restoran makanan segera itu.
7	cobak-cabik	Raja yang adil itu memakai baju yang cobak-cabik ketika menyamar untuk mengetahui keadaan hidup rakyatnya.
8	comot-momot	Muka budak itu comot-momot setelah makan aiskrim tersebut.
9	congkak-bongkah	Saya tidak suka berkawan dengan anak orang kaya itu kerana sikapnya yang congkak-bongkah itu.
10	gotong-royong	Penduduk itu hendak berg gotong-royong membersihkan tanah perkuburan di kampung mereka.
11	halai-balai	Walaupun peperangan Irag dan Amerika telah lama tamat, keadaan halai-balai di Iraq masih belum pulih.
12	herot-berot	Cikgu menyuruh Ali memadam garisan di tepi buku rampaiannya yang herot-berot itu.

latihan

15

KATA GANDA RENTAK

Isikan tempat kosong di dalam teks berikut dengan kata ganda rentak yang sesuai.

Adiku memang istimewa orangnya. Dia

_____ kepada sesiapa sahaja dan senang diajak berbual-bual. Walaupun begitu, adik tidak suka bercakap perkara yang _____. Katanya, bercakap perkara-perkara yang tidak penting boleh membuang masa kita. Adik juga sopan santun orangnya dan tidak pernah bersikap kurang ajar terutama kepada orang-orang tua. Dia juga pintar. Dia suka menjawab _____ yang diajukan oleh sesiapa sahaja.

Namun demikian, satu kekurangan adik ialah dia suka bertangguh-tangguh ketika membuat tugas. Apabila masanya hampir tiba, dia akan ter_____ membuat tugas itu. Walaupun begitu, kerjanya sempurna dan tepat jawapannya. Satu lagi kekurangan adik ialah sewaktu makan aiskrim. Mukanya akan menjadi _____ kerana cuba menghabiskan aiskrimnya dengan segera.

KATA GANDA RENTAK

Isikan tempat kosong di dalam teks berikut dengan kata ganda rentak yang sesuai.

Kita tidak seharusnya memandang hina kepada anggota masyarakat yang tidak beruntung. Semua manusia sama di sisi Tuhan. Tidak ada _____ di sisi masyarakat yang berbudaya.

Suatu hari, saya melihat seorang lelaki kaya menghalau seorang pengemis yang berpakaian _____; koyak di sana sini. Rambutnya pula _____ dan badannya pula _____.

Saya menjadi marah lantas menarik tangan pengemis dan berlalu dari situ. Perlahan-lahan saya mengeluarkan wang sebanyak sepuluh dolar lalu menghulurkan kepadanya. Perisitwa itu menginsafkan saya. Sepatutnya orang yang _____ seperti lelaki tadi membantu orang-orang yang tidak bernasib baik.

13	hina-dina	Tidak ada anggota masyarakat yang hina-dina di sisi masyarakat yang berbudaya.
14	hingar-bingar	Majlis itu bertukar menjadi hingar-bingar apabila lampu di dewan itu terpadam.
15	hiruk-pikuk	Para penyokong setia pasukan bola sepak itu bersorak-sorak sehingga keadaan menjadi hiruk-pikuk .
16	kalut-malut	Keadaan kalut-malut yang melanda negara kecil itu belum dapat diselesaikan lagi oleh pihak keselamatannya.
17	karut-marut	Cerita yang karut-marut itu diberhentikan siarannya kerana tidak diminati ramai.
18	kaya-raya	Budak yang selalu berangan-angan untuk menjadi kaya-raya itu telah mencipta mikrochip yang paling kecil di dunia.
19	kelut-melut	Negeri yang kaya dengan minyak itu dalam keadaan kelut-melut setelah terbongkar kisah beberapa orang menterinya terlibat dalam skandal kewangan.
20	kuih-muih	Setiap pagi, nenek ke kedai itu untuk membeli kuih-muih untuk sarapan kami.
21	kusut-musut	Masalah yang dihadapinya menjadi kusut-musut setelah beberapa orang campur tangan dalam hal itu.
22	lauk-pauk	Lauk-pauk yang dijual di Restoran Sekampung itu lazat tetapi pedas.
23	ramah-tamah	Pemuda yang ramah-tamah itu senang diajak bersembang dan bergurau.
24	rebah-rempah	Askar yang tertembak itu rebah-rempah sebelum terdampar di kaki gaung itu.
25	remeh-temeh	Perkara yang remeh-temeh tidak akan dibincangkan dalam mesyuarat ini.
26	saki-baki	Setiap tiga bulan, saki-baki duit saku yang tidak dibelanjakan itu didermakan ke rumah anak-anak yatim.
27	sayur-mayur	Sayur-mayur yang dijual di pasar itu segar-segar dan murah pula harganya.
28	selok-belok	Kami tidak kkuatir ketika mendaki Gunung Ledang itu kerana pemandu kami tahu selok-belok gunung itu.
29	serta-merta	Peluru yang menembusi dada askar itu menyebabkannya mati serta-merta .

30	tetek-bengek	Kalau kita memberi tumpuan kepada perkara tetek-bengek , masalah besar yang kita hadapi tidak akan terhurai.
31	tungkus-lumus	Pak Malim bertungkus-lumus agar kumpulan muzik tradisionalnya itu terus hidup.

B	KATA GANDA RENTAK
	PENGGANDAAN KONSONAN

NO	KATA GANDA	AYAT CONTOH
32	basa-basi	Jiran-jiran dan sahabat handainya sering memuji-muji tingkah laku dan basa-basi Hadijah.
33	begana-begini	Walaupun begana-begini yang dikatakan oleh penjenayah itu, pihak penyiasat masih tidak mempercayainya.
34	belat-belit	Belat-belit si penipu itu akhirnya terdedah setelah mangsa-mangsanya membuat aduan kepada pihak polis.
35	benggal-benggil	Seluruh tubuh budak itu benggal-benggil diserang tebuhan ketika dia dan ayahnya bersiar-siar di kolam air MacRitchie.
36	bengkak-bengkil	Habis mukanya bengkak-bengkil ditumbuk oleh budak-budak nakal itu.
37	bolak-balik	Pemuda yang terpikat dengan keayuan Amelia itu selalu ber bolak-balik di hadapan rumah gadis itu.
38	bongkang-bangking	Mayat rakyat Iraq bongkang-bangking lantaran pengeboman Tentera Udara Amerika yang tersasar.
39	bongkar-bangkir	Keadaan bongkar-bangkir di negara itu pulih setelah tentera Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu masuk ke negara itu.
40	compang-camping	Pengemis yang berpakaian compang-camping dan kotor-bolor itu meminta-minta kepada para jemaah masjid itu.

latihan 13	KATA GANDA RENTAK
Isikan tempat kosong di dalam tekas berikut dengan kata ganda rentak yang sesuai.	

Hari itu, ayah mengajak kami pulang ke kampung. Kata ayah, _____, kita perlu pulang ke kampung untuk menjenguk _____. Dengan demikian, ikatan persaudaraan kita akan bertambah erat.

Jalan ke kampung itu _____. Ayah juga tidak dapat memandu keretanya dengan laju kerana jalannya _____; berlubang-lubang di sana sini. Tiba-tiba kereta ayah berhenti. Seorang lelaki berjalan ter_____ di tengah jalan itu. Ayah membunyikan hon berkali-kali tetapi lelaki itu tidak mahu menghindar. "Mungkin lelaki itu mabuk!" kata ayah.

KATA GANDA RENTAK

Isikan tempat kosong di dalam teks berikut dengan kata ganda rentak yang sesuai.

Apabila aku sedar, aku _____ bangkit dari tempat pembaringan. Di sekeliling tempat itu dipenuhi dengan _____ yang besar.

Tiba-tiba namaku dipanggil. Suara itu sayup dan menggerunkan. Sebuah lembaga berdiri tegak di hadapanku. Mataku terkebil-kebil melihat lembaga itu. Tingginya seperti galah. Matanya merah menyala. Mulutnya berbuih hijau. Aku segera berlari _____ . Mulutku _____ membaca doa agar lembaga itu tidak mengejar aku. Dalam keadaan _____ itu, aku terdengar suara azan. Aku membuka mataku dan menyedari waktu subuh sudah pun tiba.

41	congkah-cangkih	Ibu mengemas mainan adik yang congkah-cangkih di dalam bilik adik sambil mulutnya mengomel-ngomel.
42	congkar-cangkir	Majlis silaturrahim itu menjadi congkar-cangkir lantaran perancangan yang tidak tersusun.
43	corak-carik	Pakaian pengemis wanita yang corak-carik itu menarik simpati orang ramai yang berlalu-lalang di situ.
44	corat-coret	Walaupun dia menganggap tulisannya hanya corat-coret sahaja, orang ramai menghargainya.
45	coreng-moreng	Muka peminat setia pasukan bola sepak itu coreng-moreng dengan pelbagai warna.
46	dakwa-dakwi	Pihak penganjur peraduan itu tidak akan melayan dakwa-dakwi yang mungkin dibangkitkan oleh para peserta.
47	dansa-dansi	Majlis dansa-dansi sempena ulang tahun syarikat itu akan dilangsungkan di sebuah hotel terkemuka.
48	degap-degup	Jantungku ber degap-degup sewaktu menantikan keputusan PSLE diumumkan oleh pengetua sekolah.
49	dekuh-dekah	Dekuh-dekah penonton yang menyaksikan lelucon pelawak-pelawak itu menandakan jenaka mereka itu menggeletek hati.
50	dentam-dentum	Setiap kali Amerika menggugurkan bomnya di tanah Iraq, bunyi yang ber dentam-dentum itu menakutkan Salim.
51	derang-dering	Bunyi telefon yang ber derang-dering itu mbingitkan telinga saya.
52	desas-desus	Desas-desus yang mengatakan bahawa seniman terkenal itu beristeri lagi adalah karut semata-mata.
53	dolak-dalik	Saya tidak gemar bersahabat dengannya kerana sering ber dolak-dalik dalam percakapannya.
54	gembar-gembur	Buatlah kerja anda dengan sedaya-upaya dan janganlah gembar-gembur kejayaan yang kecil itu.

55	gopoh-gapah	Kerani itu menaip suarat itu dengan gopoh-gapah kerana surat itu dikehendaki oleh majikannya pada masa itu.
56	gunung-ganang	Indahnya pemandangan gunung-ganang itu apabila dilihat dari jarak jauh.
57	guruh-garah	Dia segera menutup telinganya apabila guruh-garah berdentum.
58	hukum-hakam	Negara yang tidak menguatkuasakan hukum-hakam yang telah diputuskan akan ditimpa huru-hara.
59	huru-hara	Huru-hara yang dicetuskan oleh penentang pemerintah itu dapat dipulihkan setelah ketua penentang dapat diberkas.
60	huyung-hayang	Pemabuk yang ter huyung-hayang itu terkorban dalam kecelakaan jalan raya itu.
61	jerah-jerih	Semua jerah-jerih berbalas apabila anak-anaknya berjaya dalam bidang akademik.
62	jungkang-jungkit	Budak-budak yang sedang bermain jungkang-jungkit itu diingatkan agar menjaga keselamatan diri mereka.
63	kasak-kisik	Suara kasak-kisik anak-anak gadis itu berbisik-bisik jelas kedengaran tetapi kami tidak tahu akan kandungannya.
64	kecuh-kecah	Apabila terlewat, mulalah dia ter kecuh-kecah sehingga kadang dia lupa barang yang perlu diabawanya.
65	kelak-keluk	Fathiah memang anak jati Kampung Sarwa dan mengetahui kelak-keluk sejarah kampung itu.
66	kelap-kelip	Lampu kelap-kelip yang dipasang di sekeliling jendela rumahnya berwarna-warni.
67	kelentang-kelentung	Bunyi kelentang-kelentung dari surau itu menandakan waktu solat telah pun masuk.
68	kelepak-kelepuh	Bunyi kelepak-kelepuh jelas kedengaran ketika kedua-kedua ahli gusti itu beradu tenaga.
69	kenduri-kendara	Semua rumah di kampung itu mengadakan majlis kenduri-kendara bagi menyambut ketibaan Syawal yang mulia.
70	kobar-kabir	Wanita yang suka mengobar-kabir hal tetangganya tidak dipercayai oleh semua jirannya.

latihan

11

KATA GANDA RENTAK

Isikan tempat kosong di dalam teks berikut dengan kata ganda rentak yang sesuai.

Majlis _____ sering dianjurkan oleh masyarakat Melayu untuk membaca doa selamat atau menyatakan rasa kesyukuran. Biasanya _____ akan datang lebih awal untuk membuat persiapan. Mereka akan ber_____ menyiapkan _____ . Anggota keluarga yang tidak dapat membantu pula akan membawa _____ sebagai pencuci mulut. Pendek kata, dengan adanya majlis seperti ini boleh mengeratkan lagi silaturrahim.

KATA GANDA RENTAK

Isikan tempat kosong di dalam teks berikut dengan kata ganda rentak yang sesuai.

Suasana di dalam bank itu menjadi _____.

Beberapa orang perompak yang bersenjata api telah menimbulkan _____ di dalam bank itu. Pelanggan bank menjadi panik dan ber_____ seperti orang ketakutan. Pegawai keselamatan bank tidak dapat berbuat apa-apa. Senjata mereka telah dirampas perompak itu. Seorang pegawai keselamatan yang cuba menentang telah ditembak. Pegawai itu mati _____.

Beberapa orang pelanggan bank yang tidak menurut kata-kata mereka dipukul dengan buntut senjata api. _____ perompak itu memang tidak berpersi kemanusiaan.

71	kontal-kantil	Dia terpaksa ter kontal-kantil di kota yang sibuk itu lantaran dia tidak dapat menemui abangnya yang dikatakan menetap di situ.
72	kopak-kapik	Walaupun lukisan itu bermutu dan bernilai, bingkainya kopak-kapik .
73	kotak-katik	Janganlah sekali-kali kita membiarkan diri kita di kotak-katik atau diperdaya oleh orang lain.
74	kucar-kacir	Setelah perceraian tersebut, kehidupan anak-anak mereka menjadi kucar-kacir .
75	kumat-kamit	Mulut belia itu kumat-kamit membaca doa agar dirinya dijauhi fitnah dan hasad.
76	legum-legam	Bunyi tembakan meriam yang legum-legam itu menandakan ketibaan Presiden di perayaan Hari Kebangsaan itu.
77	legup-legap	Orang tua itu termengah-mengah dan nafasnya legup-legap setelah menaiki tangga ke tingkat dua sahaja.
78	lekak-lekuk	Jalan raya yang lekak-lekuk itu akan diratakan tidak berapa lama lagi.
79	lentam-lentum	Bunyi tembakan meriam yang lentam-lentum itu menyebabkan bayi itu meninggal dunia.
80	luntang-lanting	Buah jambu mawar di pohon itu luntang-lanting ditiup angin.
81	luntang-lantung	Pemuda yang menganggur itu hanya luntang-lantung sahaja ke merata-rata tempat.
82	mandi-manda	Budak-budak yang sedang ber mandi-mandi di tepi sungai itu terperanjat apabila seekor buaya muncul di situ.
83	morat-marit	Kehidupan rumahtangga mereka menjadi morat-marit lantaran mentua-taya yang selalu berleter.
84	mundar-mandir	Dua tiga jam sebelum romapakan itu, seorang pemuda berkemeja kemas mundar-mandir di hadapan kedai emas itu.
85	musuh-masah	Dia tidak mahu terceburlah dalam dunia politik kerana ahli politik mempunyai musuh-masah yang tidak terhitung banyaknya.
86	nafsu-nafsi	Kawallah nafsu-nafsi ketika berbelanja agar kamu dapat menjimatkan wang kamu.
87	olak-alik	Kasim sudah tidak dipercayai rakan-rakan sebayanya kerana percakapannya yang suka olak-alik itu.

88	olang-aling	Perahu yang olang-aling dipukul ombak ganas itu akhirnya tenggelam.
89	orak-arik	Tempat yang aman itu menjadi orak-arik apabila dua kumpulan yang tidak bersefahaman itu bergaduh.
90	pontang-panting	Budak nakal yang hendak mencuri buah-buahan di rumah Ah Seng lari pontang-panting dikjar oleh anjing.
91	porak-parik	Kehidupan rumahtangga mereka menjadi porak-parik setelah si suami berjinak-jinak dengan minuman keras.
92	robak-rabik	Dengan berpakaian robak-rabik , Sultan Aminurrashid pun menyamar untuk mengetahui keadaan sebenar rakyatnya.
93	rompang-ramping	Saya menyedekahkan sepasang pakaian kepada pengemis yang berpakaian rompang-ramping itu.
94	serbah-serbih	Ketua murid itu mencatatkan nama pelajar yang berpakaian serbah-serbih itu.
95	serba-serbi	Perabot di rumah orang kaya itu serba-serbi antik dan berharga.
96	serembah-serembih	Air mata Azlina serembah-serembih apabila jenazah suaminya hendak diusung ke tanah perkuburan.
97	sulat-sulit	Dia hendak meratakan susunan giginya yang sulat-sulit itu.
98	susup-sasap	Pencuri itu berlari susup-sasap di celah-celah khalayak ramai yang sedang berkumpul di padang itu.
99	tanah-tanah	Tanah-tanah di sekitar kampung itu sesuai untuk ditanam dengan pokok kelapa sakit.
100	teka-teki	Walaupun usianya baru tiga tahun, dia dapat menjawab teka-teki yang sukar itu.
101	umbang-ambing	Hidupnya ibarat sebuah perahu yang ter umbang-ambing dipukul gelombang yang ganas.
102	warna-warni	Pakaiannya yang ber warna-warni itu menjadi ikutan muda-mudi.

latihan

09

KATA GANDA RENTAK

Isikan tempat kosong di dalam tekas berikut dengan kata ganda rentak yang sesuai.

Ibuku _____ seperti orang hilang ingatan. Wajahnya terbayang ketakutannya. Sementara abangku pula duduk _____ di sofa yang empuk. Abang tidak risau sedikit pun. Dia tahu benar akan sikap adiknya.

“Mungkin adikmu diculik orang! Mungkin adikmu dilanggar kereta! Mungkin adikmu jatuh di longkang besar itu!” kata ibu berkali-kali. Ibu membuat dugaan yang bukan-bukan.

Tiba-tiba adik muncul di muka pintu. Bajunya _____ . Lengannya _____ .
akibat luka. Dengan ter _____ , adik melangkah masuk ke ruang tamu sambil berkata, ”Saya bergasak dengan budak nakal itu!” Ibu tergamam.

KATA GANDA RENTAK

Isikan tempat kosong di dalam teks berikut dengan kata ganda rentak yang sesuai.

Dua hari sebelum hari raya menjelang, ibu mengajak saya dan kakak ke Geylang Serai untuk berbelanja. Kami membeli dua gulung lampu _____ untuk dipasang di tingkap rumah kami. Tentu adik gembira melihat lampu yang ber_____ itu. Kami juga membeli _____ yang berbagai rasa dan warna. Kami tidak lupa juga membeli bunga yang kelihatan _____. Ibu juga membeli _____ untuk memasak rendang dan lauk-pauk sempena lebaran nanti.

KATA GANDA RENTAK

PENGANDAAN BEBAS

NO	KATA GANDA	AYAT CONTOH
103	awan-gemawan	Kapal terbang supersonik itu terbang membelah awan-gemawan dengan lajunya.
104	ayun-temayun	Setelah hujan reda, kera-kera itu keluar dari perlingungannya lalu ber ayun-temayun dari sebatang pohon ke sebatang pohon yang lain.
105	babak-belur	Kaki adiknya mem babak-belur setelah memakai kasut yang ketat itu.
106	batu-batan	Batu-batan di kawasan pergunungan itu sesuai dijadikan bahan untuk membuat batu bata yang bermutu.
107	becang-becok	Suara para hadirin dan hadirat yang becang-becok itu menenggelami suara pemimpin yang sedang berucap.
108	belang-belok	Ayah saya tidak berani memandu keretanya ke Cameron Highland kerana jalan di situ belang-belok .
109	beli-belah	Rakyat Singapura yang masuk ke Johor tu hanya bertujuan untuk mem beli-belah sahaja, bukan untuk melancong.
110	bengkang-bengkok	Latihan berkawat akan diteruskan sehingga barisan askar-askar itu tidak bengkang-bengkok lagi.
111	bincang-bincut	Ayah terpaksa menggondolkan rambut adik kerana terdapat bincang-bincut di kepala adik.
112	bukit-bukau	Negeri yang bakal saya kunjungi itu penuh dengan bukit-bukau yang permai.
113	conggang-canggik	Janganlah anda menertawakan pemuda tempang yang berjalan conggang-canggik itu.
114	gelap-guguk	Dalam keadaan yang gelap-guguk itu, kami meraba-raba mencari jalan keluar dari bilik itu.

115	geli-geman	Para penonton berasa geli-geman menyaksikan beberapa orang aktor memakan serangga-serangga yang berbisa.
116	gerak-geri	Gerak-geri penjahat yang bermahajaralela itu sedang diperhati oleh pihak polis.
117	gundah-gulana	Hati orangnya menjadi gundah-gulana semenjak dia tertangkap lantaran menyalahgunakan dadah.
118	hancur-mumur	Hati tuan puteri itu hancur-mumur setelah mengetahui ayahandanya terkorban dalam serangan kaum penentang.
119	haru-biru	Keadaan akan bertambah haru-biru jika setiap golongan yang saling bertentangan tidak mahu bertolak ansur.
120	incang-incut	Lantaran hendak meningkatkan pengeluaran, para penjahit itu tidak menghiraukan jahitan mereka yang incang-incut itu.
121	ipar-duai	Semua ipar-duai nya telah sepakat untuk mengumpul dana bagi kegunaan anggota keluarga yang memerlukannya.
122	kacau-bilau	Keadaan menjadi kacau-bilau apabila pegawai tertinggi pasukan tentera cuba mengambil alih pemerintahan.
123	kayu-kayan	Perabot-perabot yang dikeluarkan oleh syarikat itu dibuat daripada kayu-kayan yang bermutu tinggi.
124	kelam-kabut	Dengan keadaan kelam-kabut , dia segera menuju ke sekolahnya kerana sudah terlewat.
125	kelang-kelok	Pemandu itu memandu keretanya dengan berhat-hati kerana jalan menuju ke kampung itu kelang-kelok .
126	keluh-kesah	Para petani itu ber keluh-kesah kerana musim kamarau tahun ini agak panjang.
127	kembang-kembut	Lampu dari rumah api di pulau itu kembang-kembut untuk membantu kapal melalui selat yang sempit itu.
128	kering-kontang	Apabila musim kamarau, semua perigi di kampung itu menjadi kering-kontang .
129	kusut-masai	Artis yang terkenal itu membiarkan rambutnya yang kusut-masai itu kerana katanya itu adalah identitinya.

latihan

07

KATA GANDA RENTAK

Isikan tempat kosong di dalam teks berikut dengan kata ganda rentak yang sesuai.

Semua kelengkapan telah pun tersedia. Nasi dan

_____nya telah pun terbungkus.

_____ telah pun dimasukkan ke dalam

kotak. Buah-buahan telah dipotong dan air minuman juga telah

tersedia. Tikar dan kanvas tidak ketinggalan.

_____ telah lama berkumpul. Yang hanya

belum tiba ialah bas yang akan membawa kami ke Pantai Changi.

Tiba-tiba _____ budak-budak menjadikan

tempat itu _____. Mereka kegembiraan.

Mereka terlompat-lompat keriang. Bas yang dinantikan mereka

muncul di hadapan mereka.

KATA GANDA RENTAK

Isikan tempat kosong di dalam teks berikut dengan kata ganda rentak yang sesuai.

Kami sudah membuat persediaan yang rapi. Kami telah berlatih dengan gigih. Malam ini adalah malam penentu kejayaan kami setelah kami ber_____ berlatih selama sebulan. Adakah malam ini akan terbalas semua penat lelah kami?

Suara para penyokong pasukan kami yang _____ dapat kami dengari dari bilik persalinan. _____ mereka yang melaung nama pasukan kami menyenangkan hati kami. Mereka memang penyokong yang setia.

Tiba-tiba keadaan bertukar menjadi _____ . Stadium yang tadinya _____ bertukar menjadi gelap gelita lantaran terputusnya elektrik. Pertandingan terpaksa ditunda ke suatu tarikh yang akan ditetapkan kelak.

130	lalu-lalang	Jalan raya itu menjadi sibuk sejak para penggunanya berlalu-lalang ke bandar.
131	lambat-laun	Jika kamu belajar dengan bersungguh-sungguh, lambat-laun kamu akan meraih kejayaan yang cemerlang.
132	lemah-gemalai	Para penonton itu terpesona dengan lenggang-lenggok dan lemah-gemalai penari-penari yang sedang membuat persembahan itu.
133	lenggang-lenggok	Daripada lenggang-lenggok jalannya, saya pasti wanita itu ialah teman sedarjah saya dulu.
134	liang-liuk	Batang-batang padi yang berliang-liuk ditiup angin itu menambahkan lagi keindahan bendang.
135	licin-licau	Ibu mengingatkan saya agar berhati-hati berjalan di situ kerana lantainya licin-licau .
136	lintang-kedak	Pustakawan itu mengomel kerana terpaksa berulang kali mengemas buku-buku yang lintang-kedak itu.
137	lintang-pukang	Ali berlari lintang-pukang kerana dikejar anjing hitam ketika berjalan di hadapan kedai itu.
138	masak-mangsai	Bertanyalah kepada beliau kerana pengalaman beliau masak-mangsai .
139	mentua-taya	Mentua-taya hendaklah memainkan peranan agar ruma tangga anakanak mereka harmoni dan terpelihara.
140	porak-peranda	Rumah tangganya menjadi porak-peranda setelah dia diisitiharkan muflis kerana terlalu banyak hutang.
141	punah-ranah	Setelah peperangan di Iraq itu tamat, negeri yang dulunya makmur menjadi punah-ranah lantaran pengeboman tentera Amerika.
142	rempah-ratus	Ibu ke pasar Geylang untuk membeli rempah-ratus bagi digunakan bagi memasak rendang daging itu.
143	remuk-redam	Hati tuan puteri itu remuk-redam setelah mengetahui kematian tunangnya di medan perang itu.
144	riuh-rendah	Murid-murid di darjah itu menjadi riuh-rendah apabila guru kelas mereka jatuh tiba-tiba.

145	rumpun-rumpai	Rumput-rumpai di tebing sungai dikatakan mengandungi khasiat untuk menyembuhkan beberapa jenis penyakit kulit.
146	saudara-mara	Saudara-mara dan sahabat handai telah diundang ke majlis perkahwinan kakak saya.
147	sebab-musabab	Mencari sebab-musabab keterlibatan para belia Melayu dalam penyalahgunaan dadah adalah penting untuk membuat penghuraianannya.
148	sedu-sedan	Ketiga-tiga beradik itu tersedu-sedan di hadapan jenazah ibu kandung mereka.
149	segar-bugar	Badannya menjadi segar-bugar setelah mandi di sungai yang dingin airnya itu
150	selang-seli	Program Bulan Bahasa dianjurkan berselang-seli dengan kegiatan Anugerah Persuratan.
151	simpang-perenang	Para anggota parti yang simpang-perenang itu telah diberi ingatan agar menyelesaikan perbalahan mereka.
152	simpang-siur	Bapa mengemas kawat komputer yang bersimpang-siur agar kelihatan kemas.
153	sorak-sorai	Sorak-sorai para penyokong pasukan Brazil mengegarkan stadium itu.
154	suku-sakat	Menteri muda itu mempunyai suku-sakatnya di Indonesia dan Malaysia.
155	susur-galur	Johari berura-ura hendak menyusur-galur keluarganya agar setiap anggota keluarganya tahu akan asal usulnya.
156	terang-benderang	Kawasan Geylang Serai terang-benderang dek lampu berwarna-warni dan berkelap-kelip.
157	tikai-pangkai	Masalah tikai-pangkai dalam keluarga, janganlah diheboh-hebohkan kepada masyarakat umum.
158	tumpah-ruah	Minyak dari kapal yang hampir tenggelam itu menumpah-ruah sehingga pencemaran laut berlaku dengan hebatnya.
159	tunggang-langgang	Pengganas yang memeras ugut penduduk kampung itu lari tunggang-langgang apabila sepasukan askar tiba di situ.
160	ulang-alik	Sewaktu menuntut di universiti dulu, saya selalu berulang-alik dari Geylang Serai ke Bukit Timah.

latihan

05

KATA GANDA RENTAK

Isikan tempat kosong di dalam teks berikut dengan kata ganda rentak yang sesuai.

Selepas berterawih, ibu bapaku mengajak aku ke Geylang. Kata ibu, marilah kita ber_____ di bawah sinaran lampu yang _____. Aku pelik akan kata-kata ibu. Setahu aku di Geylang tidak ada kolam renang. Aku hanya mengikut sahaja kata ibu bapaku.

Sesampainya di situ, kawasan Geylang memang menakjubkan aku. Sepanjang jalan dipasang lampu yang ber_____. Kerlipan lampu yang ber_____ itu menawan hatiku. Fahamlah aku dengan kata-kata ibu tadi. Geylang penuh sesak dengan orang ramai yang hendak mem_____ bagi persiapan Syawal yang akan menjelang tidak berapa lama lagi.

latihan

04

KATA GANDA RENTAK

Isikan tempat kosong di dalam teks berikut dengan kata ganda rentak yang sesuai.

Pak Masud kelihatan sedih. _____ yang mengatakan bahawa syarikatnya akan memberhentikan sebahagian besar pekerja lantaran kemerosotan ekonomi membimbangkan hatinya. Mungkinkah dia seorang daripadanya. Apabila memikirkan soal itu, hatinya sugul dan wajahnya menjadi _____. Dia tahu, dia sudah ber_____ untuk menyara kehidupan sekeluarganya tetapi pendapatanya tidak mencukupi. Malah, bekalan elektrik ke rumahnya telah dipotong kerana tidak membayar bil lebih daripada enam bulan. Dia merenung api lilin yang ber_____ ditiup angin. Dia menganggap hidupnya seperti sebuah sampan yang _____ itu, air matanya bertitis-titis turun dari kelopaknya.

latihan

01

KATA GANDA RENTAK

Isikan tempat kosong di dalam teks berikut dengan kata ganda rentak yang sesuai.

Aku ditemani oleh Pak Abu ke rumah penghulu. Sepanjang jalan, Pak Abu yang tahu akan _____ kampung itu bercerita tentang ketokohan Tuk Penghulu yang menentang askar-askar Jepun. Setibanya, di rumah Tuk Penghulu, aku disambut dengan _____. Aku dapat menilai bahawa Tuk Penghulu seorang yang _____. Maklumlah, anak-anak beliau yang seramai tiga orang itu merupakan peniaga yang maju dan termasyhur.

Sebelum temu ramah dibuat, aku dijamu dengan masakan kampung. Ternyata isteri Tuk Penghulu juga istimewa orangnya. _____ yang dimasaknya memang sedap belaka. Selepas makan tengah hari, aku menjamah _____ tradisional yang disaji sebagai membasuh mulut.

latihan

02

KATA GANDA RENTAK

Isikan tempat kosong di dalam teks berikut dengan kata ganda rentak yang sesuai.

Semua orang tahu akan Pak Leman. Orangnya kaya dan hidupnya _____ . Ramai orang yang memerlukan bantuan, datang memohon pertolongan. Pak Leman tidak pernah menghampakan mereka.

Yazid, seorang penyangak kampung selalu menaruh niat hendak merompak rumah Pak Leman. Pada siang hari itu, dia _____ di hadapan rumah Pak Leman bagi mengatur langkah untuk merompaknya. Malam itu, dalam keadaan gelap gelita, Yazid menuju ke rumah Pak Leman. Hatinya ber _____ ketika bersembunyi di semak samun di situ. Dia menantikan semua orang tidur dan lampu terpadam. Tiba-tiba bahunya dipegang orang. Yazid terperanjat dan lari _____ tanpa menoleh ke belakang. Dia _____ di dalam belukar dan menghilangkan dirinya.

latihan

03

KATA GANDA RENTAK

Isikan tempat kosong di dalam teks berikut dengan kata ganda rentak yang sesuai.

Langit mulai mendung. Senja mula merangkak. Kami mengambil keputusan untuk pulang setelah puas ber _____ di sungai di pinggir hutan itu. Kami ber _____ mengemas barang-barang kami kerana keadaan bertambah gelap. Tiba-tiba kedengaran _____ di langit bagi menandakan hujan akan turun tidak berapa lama lagi.

”Eh...cepat-cepatlah kemas. Aku takut!” kata Izad. Wajahnya pucat lesi.

”Engkau takutkan apa, Izad?” Tanya Kamin

”Aku takut hantu....!” Jawab Izad _____.

”Ah..... semua itu _____ sahaja. Sudahlah, mari kita berangkat!” kata Hamim pula.